

Headline	Kelantan Delights rai ibu tunggal, pesakit Aids	Language	Malay
Date	28 Aug 2009	Page No	L-S32
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	280 cm²
Section	Selangor & KL	Color	Full Color
Journalist	FOUZIAH AMIR	PRValue	4,620
Frequency	Daily		
ADValue	1,540		



Kelantan Delights rai ibu tunggal, pesakit Aids



Juhaid (duduk tengah) bersama tetamu yang diraikan untuk berbuka puasa di restoraninya Kelantan Delights.

FOUZIAH AMIR

MENGAMBIL keberkatan Ramadan yang mulia ini, hampir 40 penghuni, pekerja dan sukarelawan dari pusat Jagaan Darul Ukhwah dan Baitul Hikmah diraikan pada malam berbuka puasa anjuran restoran Kelantan Delights. Pemilik restoran, Juhaid Yean Abucullah berkata, program seperti ini mampu memberikan kecintaan dan kegembiraan kepada golongan kurang bernasib baik ini soalnya merapatkan lagi hubungan golongan itu dengan masyarakat awam.

"Dengan adanya program sebegini, kita mahu agar mereka ini tidak berasa terasing dan masih ada masyarakat yang peduli dengan nasib mereka."

"Bulan tahun ini juga, kami mahu pebagikan golongan untuk diraikan dan tunjukkan bahawa mereka tetap ada di dalam tempat dalam masyarakat. Antara yang kami jemput, acalon antaranya HIV/Aids, ibu tunggal dan mereka yang menghidang dan dua pusat jagaan itu," katanya.

Juhaid berkata, pihaknya memilih pebagi golongan ini kerana pada kebiasaannya menjelang Ramadan dan Aidilfitri, kumpulan anak yatim yang paling

populär mer dapat sambutan untuk diraikan.

"Sebenarnya kita mempunyai ramai lagi golongan yang tidak bernasib baik untuk diraikan seperti pesakit kanser, golongan kerdil, orang buta dan pekak, pesakit albino serta banyak lagi."

"Program seperti ini perlu dijalankan secara berterusan dan lebih meluas lagi kerana golongan ini memerlukan sokongan masyarakat supaya mereka tidak merasakan dikesepikan," katanya.

Restoran Kelantan Delights kini terletak di Sooka Sentral (bersebelahan KL Sentra) selepas 10 tahun beroperasi di Suna KLCC. Dengan keluasan lebih 129 kilometer persegi, restoran itu menawarkan hidangan tradisi Kelantan termasuk yang jarang ditemui di Semenanjung Klang.

Sementara itu, pengasas pusat jagaan Baitul Hikmah dan Pengasah Darul Ukhwah, Hafiza Azzah Hasmah melahirkan rasa gembira akan peranan dan sumber gajin yang dilakukan oleh sahabatnya itu dalam merayakan penghuni terbabit.

"Kita juga gembira apabila serunding, acar buah dan pelbagai jenis kuih-muih dan nasi pihak kita juga akan diraikan di restoran ini untuk dijal," katanya.